UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

# ACP 112/ACW 112 - Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1

Masa : 3 jam

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

...2/-

Soalan 1 (12 markah)

(a) Modal saham Wawasan Berhad terdiri dari 50 juta saham biasa RM1 setiap satu. Pada 31 Disember 1999, Wawasan Berhad membeli 5 juta ekuiti saham dari pasaran terbuka pada harga RM3 setiap satu. Yuran dan komisen broker berjumlah RM150,000. Akaun premium saham dan untung tertahan Wawasan Berhad pada tarikh tersebut masing-masing mempunyai baki-baki berikut: RM10,000,000 dan RM20,000,000.

Dikehendaki:

Berdasarkan *MASB Technical Releases 1 (Revised): Shares Buy Back*;

(i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan pembelian balik dan memberhentikan (retire) saham tersebut.

[ 4 markah ]

(ii) Tunjukkan bagaimana urusniaga tersebut dizahirkan dalam kunci kira-kira.

[ 3 markah ]

(b) Harapan Berhad memiliki modal saham yang terdiri dari saham biasa 100 juta, RM1 setiap satu. Pada 31 Disember 2000, Harapan Berhad membeli 20 juta ekuiti saham daripada pasaran terbuka pada harga RM4 setiap satu. Yuran dan komisen broker berjumlah RM300,000. Pada tarikh tersebut, baki-baki akaun premium saham dan untung tertahan Harapan Berhad masing-masing ialah RM20,000,000 dan RM40,000,000.

Dikehendaki:

Berdasarkan *MASB Technical Releases 1 (Revised): Shares Buy Back*;

(i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan pembelian balik dan menyimpannya sebagai saham perbendaharaan.

[ 2 markah ]

(ii) Tunjukkan bagaimana urusniaga tersebut dizahirkan dalam kunci kira-kira

[ 3 markah ]

Soalan 2 (23 markah)

Berikut adalah baki-baki aset tetap yang terdapat di dalam buku Suria Berhad pada 30 Jun 1999:

| | RM |
|---|---|
| Tanah dan bangunan pegangan bebas yang dibeli dalam 1980 pada kos RM250,000 dan dinilaikan semula dalam 1990 pada | 400,000 |
| Loji dan mesin dibeli pada 1 Julai 1997 pada kos | 240,000 |
| Loji dan mesin dibeli pada 1 Julai 1998 pada kos | 156,000 |
| Kenderaan dibeli pada 1 Januari 1998 pada kos | 80,000 |
| Kenderaan dibeli pada 1 Julai 1998 pada kos | 50,000 |

Kadar-kadar yang digunakan dalam menentukan susutnilai dengan tiada nilai sisaan untuk tahun berakhir pada 30 Jun 1999.

| | |
|---|---|
| Tanah dan bangunan pegangan bebas | Tiada susutnilai |
| Loji dan mesin | 20% garis lurus |
| Kenderaan | 25% garis lurus |

Ketika tanah dan bangunan pegangan bebas dibeli dalam 1980, pengagihan kosnya ialah: tanah RM50,000; bangunan RM200,000. Tanah dan bangunan pegangan bebas ini dinilai semula dalam 1990 pada: tanah RM100,000; bangunan RM300,000.

Berikut adalah kegiatan yang berlaku melibatkan aset tetap dalam tahun berakhir 30 Jun 2000:

1. Penilaian semula:

   1 Julai 1999, Tanah dan bangunan dinilai semula oleh Roslan and Co, jurunilai bertauliah, pada RM1,000,000 yang mana RM200,000 daripadanya berkaitan dengan tanah. Bangunan pegangan bebas ini dijangkakan mempunyai usiaguna 20 tahun.

2. Perbelanjaan:

   a. 1 Disember 1999, belanja membaiki Loji dan mesin yang dibeli pada 1 Julai 1997, dengan amaun RM10,000

   b. 1 Januari 2000, belanja memasang penyaman udara pada kenderaan yang dibeli pada 1 Julai 1998, dengan amaun RM5,000.

3. Pelupusan:

   a. 1 Januari 2000, Loji dan mesin yang dibeli pada 1 Julai 1997 pada kos RM100,000 dijual pada harga RM60,000.

b. 1 April 2000, Loji dan mesin yang dibeli pada 1 Julai 1998 pada kos RM6,000 dijual pada harga RM4,000.

c. 1 April 2000, Kenderaan yang dibeli pada 1 Januari 1998 pada kos RM20,000 di jual pada harga RM18,000.

4. Pembelian:

   a. 1 Oktober 1999, Kenderaan dibeli pada kos RM32,000

   b. 1 Januari 2000, Loji dan mesin dibeli pada kos RM110,000.

Pada 30 Jun 2000, ahli-ahli lembaga pengarah syarikat bersetuju untuk menyusutnilai bangunan pegangan bebas menurut kaedah garis lurus. Dasar susutnilai untuk aset-aset yang lain adalah seperti diamalkan dalam tempoh yang lepas.

Dikehendaki:

Berdasarkan *MASB 15: Property, Plants and Equipments*;

i. Sediakan catatan jurnal untuk urusniaga yang berlaku sepanjang setahun berakhir 30 Jun 2000 (naratif tidak diperlukan).

[ 9 markah ]

ii. Tunjukkan bagaimana perbelanjaan dan pendapatan dizahirkankan dalam penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2000.

[ 5 markah ]

iii. Tunjukkan bagaimana maklumat mengenai aset ketara dizahirkan dalam kunci kira-kira pada 30 Jun 2000

[ 9 markah ]

Soalan 3 (15 soalan)

Pilih LIMA dari yang berikut dan tuliskan memo untuk menjelaskan butiran dan istilah tersebut kepada Pengerusi Syarikat.

(i) Perbezaan antara saham biasa dan saham keutamaan.

[ 3 markah ]

(ii) Maksud serta contoh-contoh rizab modal dan rizab hasil.

[ 3 markah ]

(iii) Operasi terhenti.

[ 3 markah ]

(iv) Ciri-ciri yang perlu ada pada maklumat perakaunan untuk menjadi relevan dan boleh dipercayai (reliable)

[ 3 markah ]

(v) Perbezaan butiran luar biasa dan butiran terkhusus (exceptional items).

[ 3 markah ]

(vi) Rosotnilai aset (Asset impairment)

[ 3 markah ]

(vii) Perbezaan kekal dan perbezaan masa (sementara) dalam pengiraan cukai pendapatan syarikat.

[ 3 markah ]

Soalan 4 (28 markah)

(a) Berikut adalah imbangan duga Kristal Sendirian Berhad seperti pada 31 Disember 2000.

| | Debit RM'000 | Kredit RM'000 |
|---|---|---|
| Untung sebelum cukai | | 116 |
| Untung tertahan 1 Januari 2000 | | 45 |
| Saham biasa RM1 setiap satu, dibayar sepenuhnya | | 400 |
| Rizab Am | | 40 |
| Tanah dan bangunan | 400 | |
| Susutnilai terkumpul 31 Disember 2000 | | 150 |
| Loji dan mesin | 300 | |
| Susutnilai terkumpul 31 Disember 2000 | | 100 |
| Pelaburan jangka panjang | | |
| Tersenarai (nilai pasaran RM200,000) | 100 | |
| Tidak tersenarai (bernilai RM35,000) | 30 | |
| Inventori 31 Disember 2000 | 50 | |
| Pelaburan jangka panjang | 80 | |
| Penghutang | 50 | |
| 10% Debentur | | 100 |
| Bank | 50 | |
| Pemiutang | | 45 |
| Cukai belum bayar | 4 | |
| Liabiliti cukai tertunda | | 80 |
| Dividen dibayar | 12 | |
| | 1,076 | 1,076 |

Maklumat tambahan:

1. Jualan dalam tahun perakaunan ini ialah RM1,001,000 termasuk pulangan bernilai RM1,000
2. Inventori pada 1 Januari 2000 ialah RM300,000
3. Belian dalam tahun perakaunan ini ialah RM150,000
4. Inventori yang tidak dijual pada 31 Disember 2000 ialah RM50,000

5. Belanja operasi yang dikenakan terdiri daripada RM434,000 kos pentadbiran dan RM40,000 belanja jualan. Belanja-belanja lain adalah:

| | RM |
|---|---|
| Susutnilai: | |
| Bangunan | 3,000 |
| Loji dan mesin | 50,000 |
| Faedah atas debentur | 10,000 |
| Yuran pengarah | 10,000 |
| Elaun pengarah | 50,000 |
| Yuran audit | 10,000 |
| Belanja jualan | 40,000 |
| Rugi atas jualan kenderaan | 5,000 |

6. Syarikat belum merekodkan dividen belum terima RM14,000 (selepas cukai) daripada pelaburan dalam syarikat tersenarai.
7. Kadar cukai ialah 30% dan dijangkakan cukai dikenakan atas untung tahun ini ialah RM40,000 (termasuk kredit cukai). Pemindahan ke cukai tertunda ialah RM15,000.
8. Pada akhir tempoh perakaunan ahli-ahli lembaga pengarah bersetuju untuk mengistiharkan:
   a. 10% dividen (selepas cukai)
   b. Pemindahan ke rizab am RM10,000
9. Syarikat telah menandatangani perjanjian untuk membina bangunan yang dianggarkan bernilai RM500,000. Sehingga kini pembayaran masih belum dibuat.
10. Salah seorang daripada pelanggan menyaman syarikat di atas kegagalan syarikat memenuhi perjanjian yang ditandatangi bernilai RM50,000. Pada pandangan peguam syarikat berpeluang cerah untuk menang dalam kes ini.

<u>Dikehendaki:</u>

Berdasarkan *MASB 1: Financial Statements Presentation*;

(a) Sediakan Penyata Pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember 2000, Kunci Kira-Kira seperti pada tarikh itu serta nota-nota kepada akaun yang sesuai untuk terbitan.

[ 25 markah ]

(b) Jelaskan maksud pelaporan segmen dan tujuan penzahiran ini dibuat.

[ 3 markah ]

Soalan 5 (22 markah)

Juara Berhad mempunyai struktur modal seperti berikut:

| | 31 Disember | |
|---|---|---|
| Tahun | 2000 | 1999 |
| Bilangan saham diterbitkan dan dibayar penuh: | | |
| Saham biasa | 336,000 | 300,000 |
| Saham keutamaan tidak boleh tukar | 10,000 | 10,000 |
| 8% debentur boleh tukar | RM1,000,000 | RM1,000,000 |

Berikut adalah maklumat tambahan yang diperoleh:

1. Pada 1 September, 2000, Juara Berhad menerbitkan 36,000 tambahan saham biasa
2. Untung bersih untuk tahun berakhir 31 Disember, 2000 ialah RM850,000.
3. Sepanjang 2000, Juara Berhad membayar dividen RM3.00 ke atas setiap satu saham keutamaan boleh tukar.
4. 8% debentur boleh ditukar kepada 40 saham biasa untuk setiap RM1,000 debentur.
5. Opsyen saham untuk membeli 30,000 saham biasa pada RM22.50 se saham masih belum dilaksanakan pada awal dan akhir 2000. Purata harga pasaran untuk saham biasa Juara Berhad adalah RM36 sepanjang 2000. Harga pasaran pada 31 Disember, 2000 ialah RM33.
6. Waran untuk membeli 20,000 saham biasa pada RM38 yang dikepilkan bersama dengan saham keutamaan semasa diterbitkan. Waran, yang luput pada 31 Disember, 2005, masih belum digunakan.
7. Kadar cukai pendapatan ialah 40% untuk 1999 dan 2000.

Dikehendaki:

Berdasarkan *MASB 13: Earnings Per Share*

(i) Kirakan perolehan sesaham biasa asas untuk tahun berakhir 31 Disember 2000 dengan menunjukkan jalan kerja pengiraan bilangan saham yang sepatutnya digunakan.

[ 9 markah ]

(ii) Kirakan perolehan sesaham biasa tercair sepenuhnya untuk tahun berakhir 31 Disember, 2000 dengan menunjukkan jalan kerja pengiraan bilangan saham yang sepatutnya digunakan.

[ 9 markah ]

(iii) Tunjukkan di mana dan bagaimanakah maklumat perolehan sesaham ini dizahirkan di dalam penyata kewangan Juara Berhad.

[ 2 markah ]

(iv) Kenapakah maklumat mengenai perolehan sesaham ini penting kepada penganalis penyata kewangan.

[ 2 markah ]

- oooOooo -